

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/1979**

=====

**MENGANGKAT PERMOHONAN TANAH KE MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI SELANGOR UNTUK PERTIMBANGAN**

Di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri ke 3/1979 yang bersidang pada 11/4/79 di Bilik Gerakan Negeri, Shah Alam perkara tersebut di atas telah dibangkitkan di mana telah dinyatakan bahawa permohonan-permohonan tanah untuk pertanian, perumahan atau pun perusahaan di dalam satu blok atau kawasan-kawasan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan dibenarkan pada dasarnya untuk memberi milik untuk kegunaan tertentu telah didapati diangkat permohonan yang telah diproses satu demi satu untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Ini adalah melambatkan.

2. Di dalam perkara yang dipersoalkan ini tindakan yang sebenarnya ialah untuk mengumpulkan semua permohonan dan membuat senarai bagi permohonan-permohonan itu dengan menunjukkan nama pemohon, alamat, umur, jantina, rujukan, fail, kewarganegaraan atau urusannya dan tujuan permohonan itu. Satu laporan daripada Jabatan-Jabatan Teknik bolehlah digunakan dan berdasarkan di atas laporan teknik dan butir permohonan barulah disediakan satu laporan di atas tiap-tiap permohonan lengkap dengan syor-syor bagi tiap-tiap permohonan dan permohonan awal bolehlah dijadikan sebagai fail induk dan apabila mengangkat fail induk itu hendaklah mengandungi satu laporan dan 4 keping pelan induk yang meliputi semua permohonan. Permohonan yang lain hendaklah dikembarkan kepada fail induk. Adalah diharapkan dengan cara ini segala rancangan berkelompok bolehlah diberi pertimbangan dengan segera lagi. Jika ada permohonan-permohonan diterima selepas kawasan-kawasan telah diluluskan bagi kawasan-kawasan yang masih kosong di dalam rancangan itu boleh diangkat dengan berasingan dengan menggunakan pelan-pelan masing-masing dengan menggunakan pelan-pelan tertentu serta pelan-pelan induk.

3. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah hendaklah patuh dengan arahan ini.

T.T
(DATUK RAJA BRIMA SULONG BIN RAJA ROME)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.Sel. 32Pt .2(20)

SHAH ALAM
24HB APRIL 1979